

## Operasi padam kebakaran hutan di Kampung Pekajang dihentikan Pemadaman capai 99 peratus


**ISKANDAR PUTERI** - Operasi bersepadu bagi memadam kebakaran melibatkan 16 hektar kawasan hutan di Jalan Tanjung Kupang dekat Gelang Patah, yang terbakar sejak 21 Ogos lepas dihentikan mulai semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar negeri, Tan Chen Choon berkata, keputusan itu diambil susulan daripada status pemadaman kebakaran oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) negeri yang kini sudah mencapai 99 peratus.

Katanya, penghargaan harus diberikan kepada JBPM, agensi sukarelawan, serta orang ramai yang bertungkus lumus memadam kebakaran semenjak hari pertama operasi dilancarkan.

Bagaimanapun menurutnya, rondaan dan pemantauan akan terus dilakukan JBPM dan pihak berkuasa yang lain di sekitar kawasan berkenaan, bagi membendung sebarang aktiviti pembakaran terbuka.

"Pihak Jabatan Alam Sekitar



ANGGOTA bomba glat memadam kebakaran hutan di Jalan Tanjung Kupang, Kampung Pekajang dekat Gelang Patah baru-baru ini.

Juga telah mengambil langkah proaktif, dengan menempatkan alat pemantau kualiti udara 'Mobile Environmental Dust Monitoring' di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Adang.

"Langkah ini dapat memberi manfaat secara langsung kepa-

da sekolah setempat (termasuk Sekolah Kebangsaan Tanjung Adang bersebelahan SMK Tanjung Adang), untuk memantau kualiti udara secara terus memandangkan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah bermula 4 September," katanya kepada pemberita dalam sidang

media di Dewanraya Tanjung Adang, di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia negeri, Dzukefly Ahmad dan Pengarah JBPM Johor, Datuk Yahaya Madis.

Menurut Chen Choon lagi, alat pemantauan kualiti udara itu akan diletakkan di SMK Tanjung Adang sehingga peperiksaan UPSR di sekolah berdekatan tamat.

Sementara itu, Yahaya berkata, beliau tidak menolak kemungkinan insiden sama akan berulang di kawasan berkenaan berdasarkan faktor cuaca panas dan sekiranya berlaku aktiviti pembakaran terbuka melibatkan penduduk sekitar.

"Kawasan sekitar ini juga banyak semak samun yang kering. Saya nasihatkan orang ramai termasuk penduduk di sini supaya, sekiranya terlihat kebakaran terus bertindak, jangan tunggu sehingga bomba tiba," katanya. - Bernama